

Gesa segera baiki benteng runtuh

“Saya minta pihak bertanggungjawab dapat memperbaiki benteng yang runtuh itu dengan segera, dan kasihanilah kami (penduduk kampung) yang terpaksa bercuti sebab rumah ditenggelami air,” kata Muhammad Nazuan Nasir, 26, penduduk Kampung Sri Keramat, Batu 5, di sini.

Muhammad Nazuan yang bekerja sebagai polis bantuan di sebuah institusi kewangan mendakwa terpaksa mengambil cuti kecemasan selama dua hari sejak Ahad lalu sebagai persediaan menghadapi bencana berkenaan.

Bagaimanapun katanya, proses pembersihan rumahnya tergendala disebabkan fenomena air pasang besar masih belum berakhir kerana masih

dipenuhi air.

“Rumah saya dinaiki air sejak malam tadi (kelmarin), tapi cuma paras buku lali saja. Bagaimanapun, pagi tadi (semalam) paling teruk sebab air naik paras lutut.

“Nak kemas rumah pun tak boleh sebab dijangka esok (hari ini) pun banjir lagi sebab benteng masih belum dibaiki,” katanya di sini, semalam.

Sementara itu, beberapa penduduk bersengkang mata sejak awal pagi semalam kerana mahu mengawasi paras air laut demi keselamatan penduduk lain.

Penduduk, Salleh Hassan, 35, berkata dia dan beberapa penduduk lain berjaga di belakang rumah kakaknya sejak jam 3 pagi semalam.